

23 Februari 2010

Pegawai Menekankan Komitmen A.S. Di Majelis Hak Asasi Manusia PBB

Penasihat Undang-undang Jabatan Negara Harold Koh menerangkan proses kajian semula hak

Oleh Jim Fisher-Thompson

Penulis Staf



Penasihat Undang-undang Jabatan Negara Harold Koh mempromosikan hak asasi manusia dalam Majelis Hak Asasi Manusia PBB.

Washington - Pentadbiran Obama menekankan kembali peranan dan fokus AS kepada hak asasi manusia di seluruh dunia melalui penglibatan semula dan tugasnya bersama Majelis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kata Penasihat Undang-undang Jabatan Negara Harold Hongju Koh.

“Komitmen kami kepada Majelis Hak Asasi Manusia adalah bersifat jangka panjang,” kata Koh, dan “dengan bekerjasamanya kita boleh mewujudkan satu institusi yang lebih bertumpu kepada cabaran untuk individu hak asasi manusia dalam abad 21.”

Koh bercakap dalam satu panel yang ditaja oleh Institut Brookings dan Pusat Carter pada 16 Februari. Beliau merupakan bekas penolong setiausaha negara untuk demokrasi, hak asasi manusia dan tenaga kerja dalam pentadbiran Clinton dan mantan dekan Sekolah Undang-undang Yale. Menurut Koh komitmen baru Amerika Syarikat kepada majlis PBB itu melibatkan “hubungan multilateralisme yang strategik,” dan konsisten dengan pemikiran Presiden Obama yang mempunyai hubungan peribadi dengan negara-negara asing seperti Kenya dan Indonesia. Ia juga berdasarkan “komitmen Amerika terhadap nilai-nilai yang dizahirkan dalam kesetiaan Amerika kepada undang-undang” baik “di dalam atau pun luar negara,” tambahnya.

Majlis Hak Asasi Manusia PBB menggantikan Suruhanjaya Hak Asasi PBB yang dikritik hebat kerana mempunyai ahli-ahli daripada negara yang tidak demokratik dan melanggar hak asasi manusia antarabangsa.

Pada tahun 2006, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia digantikan oleh satu badan baru yang dipanggil Majlis Hak Asasi Manusia. Pentadbiran Bush tidak memohon menjadi ahli Majlis itu tetapi hanya mengambil bahagian sebagai pemerhati tanpa hak bersuara. Keputusan pentadbiran Obama untuk terlibat secara aktif dengan majlis ini memberi isyarat perubahan dasar negara Amerika Syarikat dari dasar sebelumnya.

Ted Piccone, felo kanan Institut Brookings dan timbalan pengarah untuk dasar luar negara, berkata penyertaan AS di Majlis Hak Asasi Manusia PBB adalah langkah "positif" yang membawa kepada kejayaan seperti "usaha membela kebebasan meluahkan perasaan dan meneruskan mandat bebas untuk memantau pelanggaran hak asasi manusia di Sudan."

Koh mengakui majlis ini masih dianggotai oleh beberapa kerajaan *autoritarian* dan menunjukkan "perhatian yang tidak seimbang" terhadap Israel. Namun Koh berkata pentadbiran Obama bertekad untuk "melibatkan diri dan berjuang untuk hasil yang lebih baik" sebagai sebahagian daripada masyarakat yang membela hak asasi manusia antarabangsa.

Koh menyentuh tentang kepentingan prosedur Kajian Semula Berkala Sejangat (UPR), yang merupakan mekanisme untuk menilai kegagalan dan kemajuan hak asasi manusia. UPR ditubuhkan oleh Perhimpunan Agung PBB pada masa sama Majlis Hak Asasi Manusia ditubuhkan.

UPR adalah satu proses kerjasama yang mewajibkan semua 192 negara anggota PBB untuk melaporkan keadaan hak asasi manusia di negara mereka setiap empat tahun dan mempunyai "potensi besar untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara-negara yang melanggar hak asasi manusia," kata Setiausaha Agung PBB Ban Ki-moon.

Koh berkata, "Amerika sangat memberi perhatian" kepada UPR. Apabila tiba giliran AS untuk melaporkan pelaksanaan hak asasi manusianya sendiri pada tahun 2010, "Amerika Syarikat akan menjadikannya sebagai satu model bagaimana ia harus dibuat. Sebagaimana yang diperlatakan oleh Setiausaha Negara Hillary Clinton, iaitu jadikan diri kita bertanggungjawab ... dan ia membuatkan kita lebih kuat. "

Menurut Koh proses laporan ini "akan memberikan Amerika kesempatan untuk bertemu dengan masyarakat sivil" di Amerika Syarikat.

"Kami sedang melakukan usaha mendampingi masyarakat di sembilan lokasi yang berbeza di seluruh negara untuk mendekati mereka dan berbicara tentang keutamaan bersama anggota masyarakat sivil dan masyarakat hak asasi manusia," kata Koh.

Yuri Dzhibladze, presiden Pusat Pembangunan Demokrasi dan Hak Asasi Manusia yang berpusat di Moscow, memberitahu panel Brookings bahawa UPR merupakan alat yang berkesan kerana "banyak

kerajaan memandang serius proses itu, disebabkan perhatian yang diberikan oleh pihak media dan organisasi bukan kerajaan” kepada laporan tersebut.

Dzhibladze, yang pernah ditahan oleh polis Rusia semasa protes hak asasi manusia di Moscow pada bulan Januari, mengatakan walaupun kerajaan Rusia cuba menghapuskan kritikan dan perbezaan pendapat, "UPR telah membuka beberapa peluang."

Kerajaan-kerajaan di dunia termasuk Rusia, menurut Dzhibladze "membuat persiapan serius untuk UPR dan delegasi peringkat tinggi untuk terlibat dalam dialog intensif bersama organisasi hak asasi manusia bukan kerajaan. Selain daripada itu, Persekutuan Russia telah menerima dua pertiga daripada cadangan dalam UPR, dan kebanyakan cadangan-cadangan ini penting - seperti menangani keadaan tidak berperikemanusiaan di penjara-penjara dan pusat-pusat penahanan."

Namun, Dzhibladze berkata bagi UPR untuk berjaya Amerika Syarikat perlu “bergiat semula dan meningkatkan kehadirannya" dalam Majlis Hak Asasi Manusia PBB. “Kita perlukan Amerika Syarikat untuk kembali sebagai pemain utama dalam sistem hak asasi manusia, untuk menjadi pemimpin contoh dan menjadi model ikutan,” tegas Dzhibladze.